

# Mahathir sedih Kelantan jauh ketinggalan

UM 2 1 JUL 2001

TUMPAT 20 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan rasa sedih dengan keadaan di Kelantan yang mundur dan jauh ketinggalan berbanding negeri-negeri lain sehingga masih ramai rakyatnya mendiami rumah usang yang dibina sebelum merdeka.

Menurut Perdana Menteri, Kelantan sepatutnya lebih maju daripada negeri-negeri lain kerana ia mempunyai ramai rakyat yang berwibawa, bijak dan rajin bekerja sehingga menjawat jawatan penting dan menerajui beberapa syarikat besar di Kuala Lumpur.

“Tetapi kerajaannya tidak cekap dalam bidang pembangunan, maka kita nampak rakyat Kelantan ini menderita,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan bersama rakyat di Pengkalan Kubor, di sini, hari ini.

Majlis anjuran seorang usahawan tempatan itu disertai oleh kira-kira 5,000 penduduk.

Menurut Dr. Mahathir lagi, tidak ada kemajuan di Kelantan dan bangunan yang menghiasi kebanyakan bandarnya seperti Tumpat tidak ubah seperti bangunan usang yang dibina sebelum merdeka dan rakyatnya sendiri nampak menderita.

Malah katanya, kalau pun ada bangunan dan rumah cantik, ia dibangunkan dan dibina oleh kakitangan Kerajaan Pusat yang berkhidmat di Kelantan.

“Menyedihkan kerana sepatutnya selepas 40 tahun merdeka, kita lihat kemajuan di seluruh negara, di tempat-tempat lain banyak kemajuan tetapi di Kelantan seolah-olah (pembangunan) sebelum merdeka, menyedihkan,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, Kerajaan Pusat sebenarnya bersedia untuk membantu pembangunan di Kelantan tetapi hasrat itu sering terbantut oleh sikap sesetengah pemimpin kerajaan negeri pimpinan Pas yang lebih berminat mencaci dan memfitnah pemimpin kerajaan termasuk dirinya.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri meminta rakyat negeri Cik Siti Wan Kembang ini melakukan sesuatu agar rakyatnya yang kini bermastautin di luar kembali dan membangunkan Kelantan.

Ini kerana rakyat Kelantan yang berada di luar Kelantan mempunyai keupayaan di segi kewangan, pengalaman dan kepakaran untuk membangunkan Kelantan.

“Jika nak lihat Kelantan membangun dengan pesat, mesti membuat sesuatu termasuk memilih kerajaan yang cekap yang bekerjasama dengan Kerajaan Pusat. Jika pilih kerajaan yang kecoh, agak sukar untuk Kerajaan Pusat menyalurkan bantuan,” katanya.